

## KENYATAAN MEDIA

### KERJASAMA INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) BERSAMA AEON DALAM PEMANTAPAN AGENDA INTEGRITI DAN GOVERNANS

**Kuala Lumpur, 18 Oktober 2022** – Institut Integriti Malaysia (IIM) dan AEON BIG (M) SDN. BHD. serta AEON CO. (M) BERHAD telah menjalankan kerjasama dalam usaha pembangunan kompetensi dan kapasiti sektor korporat melalui pemeteraian sebuah Memorandum Kerjasama Bersama (MoC).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif IIM, YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd. Radzi, IIM menyambut baik kerjasama dengan pihak AEON ini yang merupakan usaha julung kali dengan sektor korporat. AEON merupakan suatu organisasi yang giat memperkasakan usaha di bawah ESG dan juga matlamat ke-17 *Sustainable Development Goals* di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDG).

Kerjasama tersebut dilaksanakan sebagai salah satu usaha berterusan pihak AEON BIG (M) SDN. BHD. dan AEON CO. (M) BERHAD dalam merangsang inisiatif *Environmental, Social and Governance* (ESG) yang juga selaras dengan *Sustainability Charter AEON* (ASC). Dalam usaha ini, IIM akan membantu AEON khususnya dari aspek pembangunan governans, integriti dan ketelusan.

Melalui pelaksanaan MoC tersebut, IIM dan AEON akan bekerjasama dalam menambahbaik polisi dan prosedur khususnya dalam pengurusan pelan anti-rasuah, nilai integriti, daya saing, keupayaan dan kapasiti bersama AEON menerusi pertukaran maklumat, perkongsian pengalaman dan ilmu berkaitan dengan latihan, advokasi dan program libat urus yang bersesuaian. Semua usaha ini akan dapat menyemai dan memantapkan nilai integriti di dalam rantai ekosistem AEON meliputi vendor, pembekal dan juga pelanggan berdasarkan skop industri peruncitan yang digiatkan oleh AEON.

Kerjasama ini adalah selaras dengan mandat baharu IIM seperti yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) pada 19 September 2022 yang menggariskan hala tuju baharu IIM sebagai badan peneraju utama dalam pembudayaan, penerapan dan pemerkasaan nilai-nilai integriti dan tadbir urus. Mandat berkenaan akan memberi fokus kepada tiga teras utama iaitu pendidikan, advokasi dan latihan, penyelidikan dan penerbitan serta kerjasama strategik.

Ketua Pegawai Kewangan AEON CO. (M) BHD., Dr Grace Lee berkata Piagam Kelestarian AEON adalah suatu bentuk komitmen yang tertinggi di AEON ke arah memperjuangkan ESG dan sejajar dengan UNSDG. Rangka kerja piagam berkenaan merupakan usaha kerjasama antara AEON dan ekosistem Rakan Kongsi, Pembekal, Pekerja dan disokong oleh Impak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGI).

Inisiatif ini adalah selaras dengan usaha AEON untuk memperjuangkan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDG) melalui *Responsible Consumption And Production* (SDG 12) iaitu untuk memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang mampan; *Climate action* (SDG 13) dalam mengambil tindakan segera untuk memerangi perubahan iklim dan kesannya; *Peace, Justice And Strong Institution* (SDG16) untuk membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan inklusif di semua peringkat; dan *Partnership for the Goals* (SDG17) di mana AEON akan mengukuhkan cara pelaksanaan dan menggiatkan semula Perkongsian Global untuk Pembangunan Mampan.

## **MENGENAI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**

Institut Integriti Malaysia (IIM) telah ditubuhkan pada 4 Mac 2004 sebagai sebuah syarikat berhad melalui jaminan dengan tujuan untuk membangunkan keupayaan dan kapasiti sektor awam dan swasta mengenai tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah.

IIM berfungsi sebagai badan operasi Pusat Tadbir Urus, Integriti dan Anti Rasuah Kebangsaan Malaysia (GIACC).

Untuk maklumat lanjut, sila layari:

Facebook: [integriti.my](https://www.facebook.com/integriti.my)

Instagram: [integriti.my](https://www.instagram.com/integriti.my/)

Twitter: [@integritidotmy](https://twitter.com/integritidotmy)

Website: [www.integriti.my](http://www.integriti.my)

## **About AEON Retail**

AEON CO. (M) BHD. ialah rangkaian Kedai Barang Am (GMS) merangkap Pasaraya terkemuka di Malaysia, dengan 28 AEON Malls, 34 AEON Stores, 9 MaxValu Prime, 65 AEON Wellness, 42 DAISO dan 4 Komai-so di seluruh negara. Ditubuhkan pada tahun 1984 sebagai menyahut jemputan Kerajaan Malaysia untuk membantu memodenkan industri runcit negara, rangkaian kedai AEON berusaha untuk memenuhi keperluan dan keinginan pengguna yang sentiasa berubah.

AEON BiG (M) SDN. BHD. kini mengendalikan 21 pasar raya besar di bawah nama dagangan "AEON BiG" di Malaysia. Ia menawarkan pelbagai pilihan dengan nilai yang hebat. Pengambilalihan itu adalah sebahagian daripada rancangan Kumpulan AEON untuk mengembangkan perniagaan di Asia Tenggara dan mengembangkan lagi operasi Asean mereka.

Berpandukan falsafah "Pelanggan Didahulukan", pemahaman mendalam syarikat tentang keperluan pasaran sasaran, dibantu oleh campuran produk yang optimum, AEON mengatasi jangkaan pengguna dan meningkatkan pengalaman mereka setiap kali mereka membeli-belah.

Dengan semangat nama AEON, yang bermaksud keabadian dalam bahasa Latin, matlamat AEON adalah untuk bekerjasama tanpa henti dengan pelanggan, pembekal, rakan kongsi perniagaan, pemegang saham dan komunitinya untuk mencipta masa depan dengan kemungkinan tanpa had.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:

- Facebook: AEON Retail Malaysia
  - Instagram: AEON Retail Malaysia
  - Twitter: AEON Retail Malaysia
  - LinkedIn: AEON Group Malaysia
  - Website: [www.aeongroupmalaysia.com](http://www.aeongroupmalaysia.com)
- 

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Seksyen Komunikasi Korporat  
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)  
Zubayry Abady bin Sofian  
+ 603 6209 2074  
[zubayry@integriti.my](mailto:zubayry@integriti.my)

Bahagian Komunikasi Korporat  
AEON CO. (M) BHD.  
Fairas Imran Jaapar  
+60 12 371 6387  
[fairas.imran@aeonretail.com.my](mailto:fairas.imran@aeonretail.com.my)